

# Institusi runtuh akibat konflik

M. M

MIS 10

~~A~~

11

MACI

2007



**MASA** telah berlalu empat tahun se menjak Amerika Syarikat (AS) menduduki Iraq pada tahun 2003. Banyak jiwa yang terkorban, harta benda yang musnah, rakyat yang melarikan diri mencari tempat perlindungan yang selamat di dalam atau di luar negara sendiri, dan banyak pula institusi sosial yang mengalami keruntuhan.

Pada Isnin 5 Mac 2007, bom kereta meledak di Jalan Al-Mutanabbi di Iraq yang membariskan perpustakaan dan kedai buku terkenal, mengakibatkan ribuan buku musnah di samping gelimpangan mayat yang terkorban. Lebih 30 orang terkorban, dan kira-kira 65 orang cedera.

Di samping itu, akibat pergolakan negara Iraq yang membangkitkan sentimen perpecahan rakyat berdasarkan perbezaan anutan mazhab Sunnah dan Syiah, maka diberitakan oleh media utama Asia Barat, bahawa ribuan keluarga terpaksa berpisah kerana suami isteri di dalam sebuah keluarga tidak menganuti mazhab yang sama. Mereka terpaksa menyerah kepada ketentuan baru dalam perkembangan politik, iaitu permusuhan di antara kalangan umat yang bermazhabkan Sunnah atau Syiah. Dengan itu suami isteri terpaksa berpisah atau bercerai dan membawa haluan masing-masing dengan anak cucu yang berpecah-belah. Maka berlakulah sebilangan besar keruntuhan institusi keluarga sebagai mangsa pemikiran dan tindakan manusia yang seagama itu.

Rumah tangga yang sebelum ini didirikan atas dasar kasih sayang di antara lelaki dan perempuan tanpa melibatkan anutan mazhab Sunnah atau Syiah, rupa-rupanya kini terpaksa menjadi korban akibat daripada perubahan nilai dan ukuran baru yang meletakkan peraturan baru, bahawa Syiah harus bermusuhan dengan Sunnah. Permusuhan bukan hanya sekadar perubahan sikap atau tutur kata, malah melibatkan semua pertentangan, termasuk pembunuhan sesama sendiri.

Berbalik kepada berita letupan bom kereta di Jalan Al-Mutanabbi, maka dalam timbunan kertas yang berselerakan di atas jalan raya, dengan bergelimpangan mayat yang kaku, seorang pekedai, Muhammad Salman, yang kehilangan saudaranya, tuan punya kedai buku Adnan yang terkenal itu, berkata, "Saya telah mencari saudara saya di tiga buah hospital, tetapi masih belum dapat mengesannya." Ia menambah, "Masalah besar yang kami hadapi ialah semua mayat merupakan ketulan-ketulan arang hitam yang hangus, dan tidak dapat dikenali lagi identitinya akibat bakaran api yang dahsyat itu."

Pemilik kedai buku lain, Naim Al-Syatri berkata: "Kejadian seperti ini hanya berlaku pada zaman Hulaku tetapi hari ini kejadian ini berulang kerana kerakusan para penjenayah dan pembunuh yang ghairah membunuh orang-orang yang tidak berdosa."

Sambil mengalirkan air mata, Al-Syatri menambah, "Membunuh buku-buku ini lebih berbahaya daripada membunuh manusia kerana manusia sememangnya mempunyai usia yang tententu, tetapi buku akan kekal terus-menerus bersama alam ini. Dan sekarang mereka bertindak membakarnya."



**JALAN Al-Mutanabbi yang terkenal dengan perpustakaan dan kedai buku di Iraq musnah akibat ledakan bom kereta pada 5 Mac lalu.**

Jalan Al-Mutanabbi, merupakan simbol buku dan pengkaryanya. Nama jalan ini diambil sempena nama penyair Arab klasik yang amat kreatif dan kaya dengan daya imaginasi sebagai cermin pemikiran dan daya cipta umat Arab yang terulung. Jalan ini mempunyai sejarah gemilang, iaitu kembali kepada era Al-Abbasi, empayar Islam yang terkenal. Nama jalan ini ditukar kepada Al-Mutanabbi pada 1932 semasa zaman pemerintahan King Faisal yang pertama, sempena nama penyair Abu Tayyib Al-Mutanabbi, penyair yang berhikmah dan berani dalam sejarah kesusasteraan Arab. Di sini terletak banyak gedung dan kedai yang menempatkan buku baru dan lama, yang merupakan gedung ilmu pelbagai bidang.

## Malapetaka

Seorang wartawan Perancis yang tiba di tempat kejadian menyifatkan jalan tersebut sebagai jalan malapetaka, iaitu buku dan kertas bertaburan dengan dakwat hitam yang bercampur darah merah menutupi mayat-mayat yang kehitaman bergelimpangan di sepanjang 'jalan ilmu' itu. Para pengunjung dan pencinta buku serta penjaga kedai yang selamat kebingungan, menjerit-jerit dan berkeliaran mencari saudara-mara dan rakan taulan yang terkorban akibat letupan itu. Mereka tidak menyangka bahawa di tempat seaman ini akan terdapat pembunuh yang memasang jerangkap maut yang merupakan kenderaan yang sarat dengan bahan letupan yang berkuasa tinggi dan canggih untuk membunuh orang seterusnya memusnahkan khazanah ilmu pengetahuan itu.

Seorang pemilik gedung buku sejarah yang terulung, Muhammad Hamid, menceritakan dengan nada hampa dan sedih: "Gedung saya telah mereka bakar. Gedung saya mengandungi banyak buku ensiklopedia, buku sejarah yang unik, dan buku agama yang amat penting yang tidak terdapat di tempat lain selain daripada Baghdad ini. Kini semuanya

## Institusi keluarga di Iraq dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga mengalami keruntuhan akibat permusuhan yang berlaku di antara puak Sunnah atau Syiah.

telah terbakar."

Sementara itu dari pandangan dan senario yang lain, institusi keluarga di Iraq dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga mengalami keruntuhan akibat permusuhan yang berlaku di antara puak Sunnah atau Syiah. Akhbar *Al-Syarq Al-Awsat* keluaran 6 Mac 2007 melaporkan bahawa konflik yang berlaku di Iraq sejak pencerobohan AS, yang mengakibatkan meruncingnya permusuhan di antara dua golongan itu, turut melibatkan keruncingan rumah tangga dan keluarga orang Iraq yang telah terbina dari dua orang pasangan suami isteri yang berbeza mazhab agama, iaitu antara suami dan isteri yang berasal dari mazhab yang berbeza.

Seorang suami yang bernama Mahmud menceritakan bahawa pada satu hari ia menerima nota ugutan yang diselitkan di bawah pintu rumahnya, yang berbunyi, "Anda mesti berpindah segera. Kami berikan masa kepada anda selama tiga hari, atau anda akan dibunuh." Nota itu bertulis rapi dengan menggunakan komputer. Nota itu ditujukan kepada si suami, iaitu seorang Muslim Syiah, kerana isterinya Muslim Sunnah. Mereka berdua suami isteri bergegas menyelamatkan diri dari kawasan yang majoritinya terdiri daripada golongan Sunnah. Tetapi ke manakah harus mereka pergi? Akhirnya mereka berpindah menumpang ibu si suami yang letaknya tidak jauh dari kawasan asal itu.

Tetapi selang tidak beberapa bulan, para pemberotak yang fanatik sekali lagi mengancam pasangan ini. Maka pasangan ini sekali lagi terpaksa menyelamatkan diri dengan penuh ketakutan dan kehampaan.

"Sejak saat tersebut, kehidupan kami menjadi neraka jahanam," keluh suami isteri yang

menjadi mangsa pemburuan tanpa sebab yang dapat diterima akal dan nilai agama.

Seorang pegawai Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Zainah Abdul Rasul, yang juga anak kepada ibu bapa campuran Sunnah dan Syiah, menjelaskan. "Dalam keadaan negara yang tidak aman ini, rakyat Iraq terpaksa menyelamatkan diri masing-masing dengan melarikan diri mendapatkan perlindungan di kalangan puak dan keluarga mereka. Maka dalam keadaan begini, tidak hairanlah jika seseorang mendengar keruntuhan keluarga campuran akibat daripada perceraian."

## Penjenayah

Dalam kes pertama yang disebutkan di atas, pada masa kini, si isteri terpaksa tinggal dengan keluarganya di Iraq sedangkan suami kembali ke tengah-tengah keluarganya di Kaherah. Puak Sunnah mendesaknya supaya menceraikan isterinya, sedangkan keluarga suami, iaitu golongan Syiah tetap beranggapan semua pengikut Sunnah adalah penjenayah. Tetapi pasangan ini tetap terikat dengan pertalian kasih sayang walaupun menghadapi tekanan dan hanya dapat berjumpa dua kali sahaja sejak April lalu. Ikatan kasih sayang mereka tidak mungkin dapat diputuskan begitu sahaja.

Perangkaan yang tepat tidak mungkin dapat diketahui, tetapi mengikut anggaran, sejak peperangan yang dilancarkan AS, kira-kira setengah juta rakyat Iraq meninggalkan rumah tangga mereka untuk mencari perlindungan, sama ada di dalam atau di luar negara. Dalam perangkaan tersebut, ratusan, atau ribuan pula keluarga yang runtuh akibat

konflik dan permusuhan di antara golongan, Sunnah dan Syiah, bercerai kerana terpaksa atau dipaksa, demi keselamatan nyawa sendiri, anak-beranak serta saudara-mara.

Malapetaka di Jalan Al-Mutanabbi itu pula kini menjadikan jalan tersebut penuh sampah sarap kertas nipis dan kertas tebal, kertas kandungan buku dan kulitnya yang keras, juga dakwat hitam yang mengalir bercampur dengan aliran darah manusia. Jalan ini diwarnai dengan rasa sugul dan kecewa para pekedai dan pencinta buku. Selepas sehari dua bom itu meletup dan meledak, api masih kelihatan menjilat bangunan kedai dan membakar saki-baki buku. Semuanya akan musnah, sama ada dengan api yang sedang membakar atau kerana banjir air kereta bomba yang cuba memadamkan kebakaran yang berlaku. Akibatnya satu sahaja, iaitu kemusnahan perpustakaan tamadun manusia dan khazanah ilmunya.

Jalan ini merupakan tempat persinggahan para pujangga dan karyawan pada setiap hari, kecuali Jumaat, hari perintah berku-rung. Mereka ke sini untuk membelek-belek buku baru dan lama, membelinya atau meninjau sendiri jumlah buku yang baru sampai dari seluruh pelosok dunia. Kadang-kadang mereka berjumpa teman-teman sesama penulis atau pembaca dan pencinta buku. Malah di kawasan ini jugalah terletak dewan budaya Iraq yang didirikan pada tahun 2003 yang menjadi pertemuan para penulis dan budayawan serta pencinta bahasa. Pertemuan bukan hanya terhadap rakyat Iraq, malah terdapat juga orang asing kerana sejak kurun ke-18 dan 19 lagi banyak pengkaji ketimuran berulang alik ke kawasan ini. Ramai juga penyair dari Iraq, Mesir, Sudan dan lain-lain pernah tinggal di kawasan ini.

Kini bentuk jalan dan suasana di sekeliling berubah. Jalan Al-Mutanabbi dan sekitarnya lengang dan pudar. Satu lagi institusi ilmu tersungkur kerana kekejaman manusia. Sebelum ini, sebuah universiti diserang dan beberapa orang tenaga pengajar serta para pelajarnya menjadi korban bom kereta, atau pejuang berani mati. Sebelum ini sekolah juga sentiasa menerima ancaman. Ramai guru dan murid lari meninggalkan rumah dan sekolah. Para guru mencari pekerjaan di luar kawasan, termasuk keluar negara. Dengan itu institusi yang penting, iaitu institusi pendidikan tumbang dan hancur. Anak-anak tidak ke sekolah, malah sekolah atau universiti juga akan menjadi perangkap maut yang sentiasa menunggu mangsanya.

Di atas kehancuran institusi ilmu dan pendidikan, maka turut tumbang bersama ialah institusi keluarga. Kematian, kehancuran infrastruktur, kemusnahan harta benda, ternakan dan segala-galanya menandakan malapetaka yang dibawa bersama-sama dengan pencerobohan asing ke bumi Iraq.

Tetapi kehancuran fizikal itu tidaklah sama dengan kehancuran kejiwaan, pertalian cinta keluarga, trauma anak-anak kecil dan besar, seksaan batin yang bersangatan serta kekosongan akal dan jiwa orang-orang yang merana akibat keruntuhan institusi keluarga dan ilmu itu. Hal inilah yang mungkin tersembunyi daripada penglihatan para peneraju negara Iraq, kerana setiap hari mereka hanya melihat bom dan api, mayat dan bangunan yang musnah tetapi tidak kelihatan kemusnahan kerohanian dan kejiwaan yang berlaku di sebaliknya.

● **DR. ISMAIL IBRAHIM** ialah Duta Malaysia ke Arab Saudi.